

30/06/2001

Kaedah pemilihan punca lelaki kurang ke universiti

Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kaedah pemilihan pelajar ke institusi pengajian tinggi yang menekankan kepada pencapaian akademik adalah antara punca pertambahan bilangan pelajar perempuan berbanding lelaki.

Dekan Pusat Pengajian Sains Perubatan Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Zabidi Azhar Mohd Hussin, berkata pelajar perempuan lebih rajin dan cemerlang dalam bidang akademik pada peringkat persekolahan.

Pelajar lelaki pula, walaupun kurang menyerlah dan kurang memberi tumpuan kepada akademik berbanding bidang kokurikulum, tidak bermakna mereka tidak boleh mencapai kecemerlangan pada peringkat pengajian tinggi.

"Bagaimanapun, sistem pendidikan yang terlalu awal membuat penapisan, menghadkan peluang pelajar lelaki. Amalan atau sistem seumpama itu tidak seharusnya diteruskan dalam usaha melahirkan generasi berilmu, berdaya tahan dan mampu bersaing.

"Dalam melahirkan doktor umpamanya, kita tidak mahu pelajar terbaik atau pelajar cemerlang semata-mata sebaliknya kita mahu pelajar yang sesuai," katanya ketika dihubungi hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung Umno ke-55 baru-baru ini, berkata lebih ramai pelajar wanita Melayu diterima masuk ke universiti berbanding pelajar lelaki kerana mereka lebih tekun belajar, tidak merayau-rayau dan lebih bertanggungjawab.

Katanya, walaupun tiada bukti pelajar wanita lebih pandai daripada lelaki, prestasi kurang baik pelajar lelaki kini sudah sampai ke peringkat hanya 20 peratus lelaki berada di universiti berbanding 80 peratus wanita.

Dr Zabidi berkata, walaupun perlu ada tahap pencapaian akademik, pada masa yang sama negara mahukan individu yang mempunyai minat dengan kehidupan serta kebolehan bergaul.

"Kita tidak mahu pelajar yang hanya menghadiri kuliah, belajar sepanjang masa hanya kerana mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

"Hubungan kemanusiaan, kemasyarakatan amat perlu kerana mereka yang mempunyai kelebihan ini dapat menghayati dan memberikan perkhidmatan berkesan," katanya.

Beliau memberikan contoh di USM yang mana kira 66 peratus pelajar perubatan adalah perempuan. Senario itu berubah pada peringkat ijazah lanjutan dengan kebanyakan pelajar adalah lelaki.

"Namun, bilangan ini tidak mencukupi dalam usaha melahirkan lebih ramai tenaga pakar tempatan. Sehubungan itu, kajian kemungkinan mewujudkan satu sistem lebih sesuai seperti latihan atau pengajian separuh masa yang dapat menggalakkan pelajar perempuan melanjutkan pengajian sehingga ke peringkat tertinggi selepas berumahtangga, perlu dibuat," katanya.

Sementara itu, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk N Siva Subramaniam, berkata kajian terperinci perlu dijalankan bagi mengenal pasti punca kekurangan pelajar lelaki di institusi pengajian tinggi.

Beliau berkata, kajian perlu bagi memastikan sama ada pertambahan pelajar perempuan di institusi pengajian tinggi disebabkan bilangan perempuan lebih tinggi daripada lelaki; prestasi akademik pelajar perempuan lebih baik atau kerana pelajar lelaki kurang berminat ke institusi pengajian tinggi selepas meninggalkan alam persekolahan.

"Jika mereka kurang berminat, adakah ia kerana sistem pendidikan kita yang kurang menarik atau adakah kerana ia terlalu menumpukan kepada pencapaian akademik?

"Kajian menyeluruh perlu bagi merangka satu sistem pendidikan yang mampu menggalakkan setiap generasi muda, baik perempuan mahu pun lelaki meneruskan pengajian sehingga ke peringkat tertinggi.

"Perkara ini serius kerana kita tidak mahu generasi muda kita, terutama remaja lelaki, tercicir. Lebih membimbangkan apabila melihat kebanyakan remaja bermasalah masa kini seperti penagih dadah dan penjenayah, adalah lelaki," katanya.

Beliau yang juga Setiausaha Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), berkata senario bilangan perempuan mengatasi lelaki turut digambarkan dalam kebanyakan bidang kerjaya, termasuk perguruan.

Ketika ini, 65 peratus daripada guru adalah perempuan malah kumpulan itu mewakili lebih 75 peratus daripada jumlah pelatih di maktab perguruan di seluruh negara.

(END)